



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PENGURUSAN INSIDEN KESELAMATAN ICT
LEMBAGA SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR
(NREB) SARAWAK**



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN INSIDEN KESELAMATAN ICT LEMBAGA SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR (NREB) SARAWAK

1. OBJEKTIF

Mewujudkan prosedur pengurusan insiden keselamatan ICT yang sistematik bagi mengesan, melaporkan, menyasat, dan memulihkan insiden keselamatan ICT.

Memastikan insiden dikendalikan dengan cepat dan berkesan bagi meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT.

2. SKOP

Digunapakai oleh semua kakitangan NREB dan pihak yang mempunyai akses kepada sistem ICT NREB.



3. DEFINISI INSIDEN KESELAMATAN ICT

Insiden keselamatan ICT merujuk kepada sebarang kejadian yang mengancam kerahsiaan, integriti, atau ketersediaan sistem ICT, data, atau perkhidmatan ICT sesebuah organisasi.

Insiden ini boleh berlaku akibat serangan siber, kesilapan manusia, kegagalan sistem, atau pelanggaran dasar keselamatan.



4. PELAPORAN

Insiden keselamatan ICT seperti berikut hendaklah dilaporkan kepada bahagian ICT dengan kadar segera:


- a) Maklumat didapati hilang, didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa atau, disyaki hilang atau didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa;
- b) Sistem maklumat digunakan tanpa kebenaran atau disyaki sedemikian;
- c) Kata laluan atau mekanisme kawalan akses hilang, dicuri atau didedahkan, atau disyaki hilang, dicuri atau didedahkan;



- d) Berlaku kejadian sistem yang luar kebiasaan seperti kehilangan fail, sistem kerap kali gagal dan komunikasi tersalah hantar; dan
- e) Berlaku percubaan menceroboh, penyelewengan dan insiden-insiden yang tidak dijangka.



5. PROSES PELAPORAN INSIDEN KESELAMATAN ICT



6. DOKUMENTASI

Laporan insiden dihantar kepada pengurusan NREB dalam masa 5 hari bekerja. Semua insiden direkodkan dalam Daftar Insiden Keselamatan ICT.

7. RUJUKAN

- i. Surat Pekeliling ICT No. 1/2011 - DKICT Negeri Sarawak
- ii. Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri Sarawak



Disediakan oleh:	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTD) NREB
Diluluskan oleh:	Controller Kualiti Alam Sekitar Sarawak
Tarikh Berkuatkuasa:	28 Ogos 2024

